

1,000 sertai larian

Jurutera Pahang UMP 2018

Utusan Malaysia (Alan Akademik) 13/6/18 (Rabu) M/s: 22

KUANTAN 12 Jun - Seramai 1,000 peserta mengambil bahagian dalam acara Larian Jurutera Pahang 2018 di **Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan**, dekat sini baru-baru ini.

Program julung kali itu adalah anjuran Seksyen Pelajar Institusi Kejuruteraan Malaysia UMP (IEMUMPSS) dengan kerjasama Institusi Kejuruteraan Malaysia (IEM) dan Sekretariat Anak Mahasiswa Negeri Pahang (Semampan) melibatkan enam kategori terbuka lelaki dan wanita iaitu laluan sejauh 21 kilometer, 10 kilometer serta lima kilometer.

Pengarah Program, Kee Keing Lee berkata, acara berkenaan antara lain bertujuan mengajak masyarakat setempat mengamalkan aktiviti gaya hidup sihat di samping menikmati pemandangan indah dalam kampus dan kawasan sekitar Pekan.

"Selain itu, kita melihat pelaksanaan program seperti ini juga sebagai galakan mengekalkan perpaduan dan keharmonian sekaligus untuk memasyarakatkan teknologi," katanya baru-baru ini.

Yang turut hadir memeriahkan acara berkenaan ialah Pengerusi IEM Pahang, Datuk Ir. Sharuddin Mohd. Simin dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin.

Keing Lee berkata, acara larian itu juga dapat memberi peluang kepada pihak luar terutama masyarakat setempat untuk masuk ke kampus UMP yang terkenal dengan



Kita melihat pelaksanaan program seperti ini juga sebagai galakan mengekalkan perpaduan dan keharmonian sekali gus untuk memasyarakatkan teknologi."

KEE KEING LEE Pengarah Program

suasana kampus hijau.

Tambahnya, acara yang dikenali sebagai Larian Jurutera itu adalah simbolik kepada universiti berkenaan sebagai sebuah institusi yang menawarkan bidang kejuruteraan.

"Hal ini secara tidak langsung sebagai salah satu inisiatif kami untuk menarik minat pelajar sekolah menceburi bidang kejuruteraan termasuk bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)," ujarnya.

Dalam pada itu, Sharuddin memuji inisiatif penganjur dan mahasiswa UMP yang komited mengadakan program larian berkenaan serta memastikannya berjalan dengan lancar.

Beliau berharap penganjuran program tersebut dapat diteruskan pada masa akan datang dengan peningkatan lebih banyak penyertaan daripada pelbagai pihak termasuk mahasiswa dan masyarakat setempat.